

HUMAN  
RIGHTS  
WATCH

**“Tiada Jawapan,  
Tiada Permohonan Maaf”**  
Penderaan dan Kebertanggungjawapan  
Polis Di Malaysia

Hak cipta © 2014 Human Rights Watch

Hak cipta terpelihara.

Dicetak di Amerika Syarikat

Kulit direka oleh Rafael Jimenez

Human Rights Watch berdedikasi untuk melindungi hak asasi manusia di seluruh dunia. Kami bergabung tenaga bersama mangsa dan aktivis untuk mencegah diskriminasi, untuk mendukung kebebasan berpolitik, untuk melindungi orang daripada kelakuan tidak berperikemanusiaan semasa peperangan, dan untuk membawa pesalah ke muka pengadilan. Kami menyiasat dan mendedahkan pelanggaran hak asasi manusia dan memastikan pendera bertanggungjawab. Kami mencabar kerajaan dan mereka yang memegang kuasa untuk mengakhiri amalan penderaan dan menghormati undang-undang hak asasi manusia. Kami mendapatkan sokongan komuniti awam dan antarabangsa demi hak asasi manusia untuk semua.

Human Rights Watch merupakan sebuah organisasi antarabangsa dengan kakitangan di lebih dari 40 negara, dan pejabat di Amsterdam, Beirut, Berlin, Brussels, Chicago, Geneva, Goma, Johannesburg, London, Los Angeles, Moscow, Nairobi, New York, Paris, San Francisco, Tokyo, Toronto, Tunis, Washington DC, dan Zurich.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web kami: <http://www.hrw.org>

**“TIADA JAWAPAN, TIADA PERMOHONAN MAAF”**



# **“Tiada Jawapan, Tiada Permohonan Maaf”**

## **Penderaan dan Kebertanggungjawapan Polis Di Malaysia**

<b>Ringkasan</b> .....	<b>1</b>
<b>Cadangan</b> .....	<b>13</b>
Kepada Kerajaan Malaysia.....	13
Kepada Ketua Polis Negara .....	15
Ketelusan.....	15
Penyiasatan Aduan Orang Awam .....	15
Jejak Rekod Pegawai Polis untuk Mengenalpasti Pegawai Bermasalah .....	16
Penggunaan Senjata Api .....	17
Latihan .....	18
Kelakuan Polis semasa Perhimpunan Awam .....	18
Pengenalpastian Pegawai Polis .....	18
Kemudahan Lokap .....	19
Kepada Peguam Negara.....	19
Kematian dalam Tahanan.....	19
Penyiasatan Salah Laku Polis .....	19
Kepada Pesuruhjaya Tinggi mengenai Hak Asasi Manusia .....	20



## Ringkasan

Saya bertanya kepada Allah apa perasaan anak lelaki saya apabila dia nampak sepucuk pistol di dahinya, mengetahui dia akan mati. Adakah dia menangis, menjerit. “Jangan bunuh saya?”

— Norhafizah, ibu kepada Mohd Shamil Hafiz Shapiei, 15, dibunuh oleh polis pada tahun 2010, Kuala Lumpur, April 2012

---

Terdapat tentangan keras daripada polis apabila orang mempersoalkan mereka. Apabila kami bertanya tentang sesuatu kes, polis memberitahu kami bahawa ia dalam siasatan dan semuanya dilakukan menurut tatacara, tetapi kami tidak diberikan SOP mereka [tatacara operasi standard] atau pernah diberitahu mengenai penemuan siasatan mereka.

“Percaya pada kami,” kata mereka, “Kami sedang menguruskannya.”

Tetapi orang ramai inginkan bukti nyata mengenai tindakan yang mereka ambil, yang langsung tidak kelihatan. Tidak terdapat sekat dan imbang.

— Penyasat di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Kuala Lumpur, Mei 2012

Penderaan polis masih kekal menjadi masalah hak asasi manusia yang serius di Malaysia. Tembakan tidak wajar, penganiayaan dan kematian dalam tahanan, serta penggunaan kekerasan berlebihan dalam menyuraikan penghimpunan awam terus berlaku disebabkan oleh tiadanya makna tanggungjawab bagi pasukan polis Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM). Siasatan mengenai penderaan polis sebahagian besarnya dijalankan oleh pihak polis sendiri dan kurang ketelusan. Pegawai polis yang melakukan penderaan hampir tidak pernah didakwa. Dan meskipun pembaharuan-pembaharuan baru-baru ini yang dibuat, masih tiada mekanisme pengawasan bebas yang berkesan untuk dirujuk apabila penyiasatan polis goyah. Hasilnya ialah meningkatnya ketidakpercayaan orang ramai terhadap pasukan polis yang telah terlibat dalam banyak kes penderaan dan menyekat tuntutan agar mereka bertanggungjawab.

Laporan ini mengkaji lebih daripada 15 kes dakwaan penderaan polis di Malaysia sejak tahun 2009, menggunakan temubual secara langsung, aduan oleh mangsa atau keluarga dan laporan berita. Hanya dalam beberapa kes sahaja Kerajaan Malaysia telah menjalankan penyiasatan serius dan meletakkan kesalahan ke atas mereka yang bertanggungjawab. Statistik Kerajaan yang diberikan kepada Human Rights Watch menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada dakwaan polis adalah untuk kesalahan berkaitan rasuah dan dadah dan bukan kematian dalam tahanan, penganiayaan atau penggunaan kekerasan berlebihan.

Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (“Suruhanjaya Diraja”), diwujudkan pada tahun 2004 oleh yang dipertuan agung Malaysia (Yang di Pertuan Agung), menimbulkan kebimbangan serius tentang penderaan polis. Suruhanjaya Diraja menerima lebih daripada 900 aduan penderaan termasuk kematian dalam tahanan, penderaan fizikal dan psikologi tahanan, salah guna undang-undang pentadbiran penahanan, salah guna kuasa dan kekurangan kebertanggungjawaban dan ketelusan yang sistematik. Pada tahun 2005, Suruhanjaya Diraja mengeluarkan laporannya dengan 125 cadangan, termasuk agar kerajaan meminda undang-undang berkaitan untuk membolehkan mereka mematuhi standard hak asasi antarabangsa, dan mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan rasuah, meningkat pengawasan siasatan, dan meningkatkan sokongan dan penyelenggaraan polis melalui langkah-langkah seperti perumahan dan gaji yang lebih baik untuk polis. Untuk mengatasi secara sistematik kekurangan kebertanggungjawaban terhadap penderaan, Suruhanjaya Diraja mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) untuk menyiasat kesalahan polis dan mengambil langkah-langkah disiplin.

Kerajaan melaksanakan kebanyakan cadangan Suruhanjaya Diraja. Tetapi ia menolak cadangan untuk mewujudkan mekanisme kebertanggungjawapan luar, sebahagiannya kerana kerajaan diberikan tekanan hebat oleh polis agar tidak mewujudkan agensi pengawasan yang hanya menumpukan kepada polis semata-mata. Sebaliknya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), yang mengawasi 19 agensi termasuk polis. EAIC telah beroperasi sejak bulan April 2011, dan menerima sebanyak 469 aduan hingga 31 Mei 2013, yang mana 353 daripadanya adalah terhadap polis. Kakitangan Suruhanjaya tidak ramai—bilangan kakitangan penyiasat menurun kepada hanya seorang pada pertengahan 2013—dan ia tidak mempunyai sumber mencukupi untuk menyiasat dan bertindak balas terhadap aduan. Seperti yang dikatakan

oleh penyiasat EAIC, suruhanjaya “ditetapkan untuk gagal.” Berucap dalam persidangan nasional pada bulan Mei 2013 yang dianjurkan oleh EIAS, bekas Ketua Hakim Negara Tun Abdul Hamid Mohamad mengkritik EAIC, berkata “Hakikatnya, sejak penubuhannya sehingga akhir 2012, hanya satu tindakan disiplin dan dua amaran telah diberi. Untuk belanjawan sebanyak RM14 juta [AS\$4.2 juta] untuk dua tahun, ianya sangat mahal.”

Ketiadaan kebertanggungjawaban memudahkan salah guna-hak dan ada kalanya amalan polis yang membawa maut. Kekurangan sistem pengawasan yang berkesan dan bebas juga menjejaskan hubungan di antara polis dengan orang awam. Penguatkuasaan undang-undang yang berkesan bergantung kepada kerjasama dan maklumat daripada komuniti. Penyalahgunaan hak mengurangkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai kepada polis dan menyebabkan penguatkuasaan undang-undang kurang berkesan.

Pegawai polis mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah bagi mencegah jenayah serta menangkap penjenayah yang disyaki, dan kesilapan boleh berlaku apabila mereka membuat keputusan berkaitan penggunaan kekerasan dalam sekelip mata. Latihan, peralatan dan kepimpinan terbaik sekalipun tidak akan menghasilkan tingkah laku polis yang sempurna. Tetapi penyelidikan Human Rights Watch mendapati masalah adalah lebih besar dan bukannya setakat kesilapan atau beberapa pegawai yang cekap. Penyalahgunaan hak serius yang didokumenkan dalam laporan ini sebaliknya menunjukkan masalah struktur yang perlu ditangani. Tanpa siasatan rapi mengenai kes salah guna yang didakwa, masalah tersebut tidak boleh dikenal pasti atau dijejaki sewajarnya. Meskipun reaksi negatif orang ramai yang semakin meningkat, ketua polis mahupun pihak berkuasa awam yang mengawas tindakan mereka tidak membuat komitmen yang ikhlas untuk melakukan perubahan yang diperlukan dalam dasar dan amalan polis.

Dasar-dasar yang tidak jelas, latihan substandard dan kegagalan kepimpinan untuk menyiasat dan mencegah amalan-amalan menyalahi undang-undang, semuanya mewujudkan peluang untuk penderaan. Malangnya kerajaan Malaysia dan Ketua Polis Negara (IGP) telah melepaskan tanggungjawab mereka dengan tidak membuat perubahan dasar yang diperlukan untuk memastikan pengawasan dan kebertanggungjawaban yang berkesan dalam kes-kes kematian secara salah, penganiayaan dalam tahanan dan penggunaan kekerasan berlebihan. Dengan kegagalan untuk memastikan polis bekerjasama dengan badan pengawasan seperti Malaysian Human Rights Commission

(*Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia, SUHAKAM*) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), atau untuk menubuhkan badan penyiasatan polis bebas khas seperti dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja, kerajaan membenarkan Polis Diraja Malaysia untuk kekal tidak dipertanggungjawabkan untuk penderaan serius.

\* \* \* \*

Standard undang-undang antarabangsa menyekat penggunaan senjata api yang boleh membawa maut dengan sengaja oleh pegawai penguatkuasaan undang-undang untuk mencegah kehilangan nyawa atau kecederaan serius kepada diri mereka sendiri atau orang lain. Walau bagaimanapun, penggunaan secara meluas undang-undang kerahsiaan rasmi di Malaysia membuatnya mustahil untuk menentukan sama ada dan setakat mana Polis Diraja Malaysia mengiktiraf parameter mengenai penggunaan kekerasan ini. Perintah tetap IGP mengenai penggunaan kekerasan dan senjata api, contohnya, dianggap rahsia negeri dan oleh itu tidak tersedia kepada orang awam. Permintaan Human Rights Watch untuk melihat perintah ini ditolak.

Timbalan Ketua Polis Negara Khalid Abu Bakar (yang menjadi Ketua Negara pada 17 Mei 2013) memberitahu Human Rights Watch pada bulan Mei 2012 bahawa kekerasan yang boleh membawa maut digunakan untuk “perlindungan diri . . . jika polis diancam dengan kematian [dan] tidak ada masa untuk menggunakan senjata yang tidak membawa maut.” Namun kes yang dikaji oleh Human Rights Watch menunjukkan bahawa polis menembak kepada orang yang disyaki sedangkan tiada alasan yang kuat untuk polis menggunakan dan ketara menunjukkan bahawa polis tidak dilatih secukupnya untuk menggunakan kekerasan yang tidak membawa maut apabila berdepan dengan ancaman terhadap diri mereka sendiri atau keselamatan orang awam.

Walaupun tembakan polis adakalanya sah, insiden tembakan polis yang dilaporkan menunjukkan corak yang mana polis mewajarkan tembakan dengan menyatakan bahawa orang yang disyaki mempunyai *parang* (parang biasanya digunakan sebagai alat pertanian) atau gagal untuk berhenti di sekatan jalan raya atau selepas mengejar kereta. Dalam beberapa kes, polis juga cuba untuk mewajarkan penggunaan kekerasan yang boleh membawa maut dengan mendakwa bahawa orang yang disyaki adalah penjenayah yang dikaitkan dengan penyiasatan polis yang sedang berjalan. Langsung tiada dalam naratif polis ialah sebarang cubaan untuk menunjukkan bahawa penggunaan kekerasan yang





A parang (machete). © Peguam untuk Kebebasan

boleh membawa maut merupakan satu-satunya pilihan yang ada untuk menyelamatkan nyawa yang berada di ambang maut. Penggunaan segera kekerasan yang boleh membawa maut yang ketara menimbulkan kebimbangan serius mengenai tatacara operasi standard dan latihan polis dalam penggunaan kekerasan yang boleh membawa maut. Dalam kebanyakan kes yang disiasat oleh Human Rights Watch, versi peristiwa polis amat berlainan dengan laporan saksi dan mangsa yang mengatakan bahawa mangsa tidak bersenjata atau tidak mengancam polis.

Contohnya, pada 21 Ogos 2012, dua orang melihat polis yang berpakaian preman menembak seorang lelaki tidak bersenjata, Dinesh Darmasena, 26 tahun, pada waktu malam di pinggir bandar Kuala Lumpur. Darmasena mati dua hari kemudian. Polis mendakwa bahawa Darmasena merupakan ahli kumpulan samseng dan dia serta rakannya menyerang polis dengan *parang*. Namun saksi memfailkan aduan polis, menanggung sendiri risiko terhadap keselamatan mereka, menyatakan bahawa Darmasena tidak bersenjata dan sebaliknya bercanggah dengan versi polis.

Pada bulan November 2010, polis menembak dan membunuh Mohd Shamil Hafiz Shapie, 15 tahun, Mohd Hairul Nizam Tuan, 20 tahun dan Mohd Hanafi Omar, 22 tahun, pada lebih kurang 4 p.g. di Selangor. Polis mendakwa bahawa ketiga-tiga mereka merompak stesen minyak dan mereka kemudian menyerang polis dengan *parang*, memaksa polis untuk menembak mereka. Ketiga-tiga mereka mengalami luka kena tembak di dahi dan dada. Laporan post-mortem Shapie mendapati sisa serbuk letupan di bajunya dan membuat kesimpulan bahawa peluru memasuki badannya pada sudut trajektori 45 darjah, mencadangkan beliau telah ditembak pada jarak dekat dan tidak pada jarak jauh, seperti jika beliau menyerang polis dengan *parang*.

Mohd Afham bin Arin, 20, ditembak mati selepas dikejar dengan motosikal pada malam 19 Oktober 2010, di Johor Baru. Polis mendakwa bahawa Afham mengayun sebilah *parang* pada mereka dan bahawa, Firdaus, yang menunggang di belakangnya juga mengancam

polis dengan sebilah pedang. Firdaus memfailkan kenyataan rasmi dengan polis mematahkan dakwaan tersebut. Polis tidak pernah mendakwa Firdaus dengan apa-apa kesalahan berkaitan dengan insiden itu dan tidak menjalankan penyiasatan lanjut mengenai tembak menembak tersebut.

Perbezaan antara penjelasan polis dan saksi menimbulkan kebimbangan bahawa polis dalam beberapa kes mungkin membuat dakwaan palsu mengatakan bahawa mangsa mengacukan *parang dalam* cubaan untuk mewajarkan penggunaan kekerasan yang boleh membawa maut oleh polis. Walaupun penjelasan polis yang diragui dimasukkan ke dalam rekod awam, walau bagaimanapun, oleh kerana polis mempunyai akses yang lebih luas kepada media dan sebab selalunya polis itu sendiri—ada kalanya dari balai polis yang sama dengan pegawai polis yang didakwa mendera—yang menyiasat dakwaan penderaan. Inilah sebabnya kenapa mekanisme pengawasan bebas berkesan adalah penting.

Menurut Kementerian Dalam Negeri, yang mengawas 112,000-anggota pasukan polis, 147 orang mati dalam tahanan polis di antara bulan Januari 2000 sehingga bulan Februari 2010. Hanya tiga tahun kemudian, maklumat yang diterima di Parlimen pada 26 Jun 2013, daripada kerajaan sebagai jawapan kepada soalan MP mengumumkan sebanyak 231 kematian dalam tahanan antara tahun 2000 dan bulan Mei 2013.

Inkues terhadap kematian salah ialah mandatori di bawah Kanun Prosedur, tetapi kajian kami mengenai kes-kes sejak tahun 2009 menunjukkan bantahan awam diterima tentang kematian tahanan ada kalanya diperlukan sebelum para pegawai akan mengarahkan inkues. Suruhanjaya Diraja pada tahun 2005 menimbulkan kebimbangan serupa tentang kegagalan polis untuk menjalankan inkues apabila diperlukan oleh undang-undang.

Pegawai kerajaan biasanya bergantung kepada pemeriksaan post-mortem oleh ahli patologi kerajaan yang menentukan anggaran punca kematian, tetapi biasanya tidak menangani soalan serius seperti sama ada kematian diakibatkan oleh penganiayaan polis atau boleh dicegah dengan rawatan perubatan yang tepat pada masanya.

Contohnya, pada bulan Januari 2010 Mohammad Ramdan bin Yusuf mati dalam tahanan polis, akibat apa yang didapati oleh pemeriksa post-mortem sebagai serangan jantung, dengan bukti “trauma pukulan menggunakan senjata tumpul ke badan” lima hari selepas beliau ditahan. Polis melaporkan beliau mati akibat serangan jantung, tetapi saudara yang

mengecam mayat Ramdan di hospital nampak kesan lebam pada badannya dan tanda pendarahan. Walaupun terdapat dakwaan ini dan keluarganya menuntut inkues, tiada inkues dijalankan untuk menentukan cara kematian.

Keluarga mangsa telah mula mempersoalkan kebolehpercayaan postmortem ahli patologi kerajaan dan sejak beberapa tahun kebelakangan baru-baru ini telah mula menuntut post-mortem kedua. Dalam kes Kugan Ananthan yang berusia 23 tahun— yang mati tidak lama selepas dipukul dengan teruk di balai polis Taipan, di Subang Jaya, negeri Selangor, pada 20 Januari 2009—autopsi pertama memutuskan bahawa Kugan telah mati disebabkan “edema pulmonari” (bendalir dalam paru-paru). Kesimpulan ini dipertikaikan oleh post-mortem kedua, yang mendapati bahawa kematian Kugan disebabkan oleh kegagalan buah ginjal akut (buah pinggang) disebabkan trauma tumpul ke otot skeletal.

Suruhanjaya Diraja dan organisasi hak asasi manusia juga mempersoalkan kebebasan penyiasatan polis dalam kes kematian-dalam tahanan. Pada bulan Julai 2012, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menimbulkan kebimbangan serius berkenaan kesaksamaan penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai polis berkaitan dengan lokap di mana kematian tahanan berlaku. Mahkamah mencadangkan penyiasatan sedemikian dijalankan pegawai polis dari balai berlainan.

Walau bagaimanapun, dalam kes pemandu trak, Dhamendran Narayanasamy, yang mati dalam tahanan polis pada bulan Mei 2013, bantahan umum dan penemuan post-mortem yang jelas menunjukkan kematian adalah disebabkan oleh “trauma daya tumpul berbilang”, mendorong pendakwa mendakwa empat anggota polis.

Kes-kes yang kami siasat juga menunjukkan penganiayaan orang yang disyaki dalam tahanan polis di Malaysia kekal menjadi kebimbangan serius, dan tidak terdapat banyak bantuan untuk mereka yang mengalami penderaan. Contohnya, Mohammad Rahselan, 18 tahun, dipaksa oleh polis untuk mencangkung selama sejam, lakukan lompat setempat, dan “berjalan seperti itik” dan lengan disilangkan ke belakang telinga di balai polis di Kelantan. Mekanik kereta, S.Mogan mendakwa beliau ditendang, dipukul pada kakinya dengan hos air, dan diancam dengan pistol oleh seorang pegawai polis di sebuah balai polis di Selangor yang cuba mempengaruhinya untuk mengaku mencuri trak. Mogan memfailkan aduan, yang dipertikaikan oleh polis. Apabila isteri pemandu trak Dhamendran Narayanasamy melawatnya dalam tahanan polis pada 19 Mei 2013, beliau

memberitahu bawa beliau dipukul dalam tahanan tetapi “tidak serius” - dua hari kemudian, beliau mati akibat apa yang didapati oleh post-mortem awal sebagai “kecederaan tisu lembut disebabkan trauma daya tumpul berbilang” yang berlaku ketika dalam tahanan polis.

Pengendalian polis mengenai perhimpunan awam juga merupakan satu masalah. Polis kerap kali telah menggunakan kekerasan berlebihan yang tidak diperlukan. Human Rights Watch mendapati bahawa polis menggunakan gas pemedih mata dan penyembur air terhadap para peserta yang aman pada 28 April 2012, pada rapat umum di Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil. Walaupun sekumpulan kecil penunjuk perasaan cuba melanggar sekatan polis tidak lama sebelum polis masuk, polis juga menasaskan kumpulan besar yang tidak melanggar sekatan, memukul dengan teruk dan mencederakan penunjuk perasaan dan juga beberapa wartawan yang membuat liputan rapat umum manakala polis khas menembak gas pemedih mata dan penyembur air kepada pembantah yang berundur. Seorang pembantah mengalami kehilangan penglihatan selepas terkena kanister pemedih mata di muka. SUHAKAM, suruhanjaya hak asasi manusia nasional Malaysia, dalam tanya siasatan awam 2013 memutuskan bahawa “terdapat penggunaan kekerasan tidak wajar dan salah laku terhadap peserta.”

Mangsa-mangsa penderaan polis di Malaysia yang tidak melaporkan layanan penderaan atau mempersoalkan kelakuan polis tidak mempunyai peluang untuk melihat polis disiasat, dihukum atau didakwa. Kerahsiaan berlebihan polis biasanya bermakna pengadu tidak mengetahui sama ada aduan mereka disiasat atau sama ada tindakan disiplin telah diambil. “Saya failkan aduan tentang kematian anak lelaki saya, tetapi saya tidak tahu apa yang berlaku selepas itu. Kami tidak pernah mendengar apa tindakan yang polis ambil,” kata Sapiyah binti Mohd Ellah, ibu kepada Mohd Afham bin Arin, yang ditembak polis di Johor Baru pada tahun 2010. "Tiada jawapan, tiada permohonan maaf."

Badan penyiasatan Polis di Malaysia telah terbukti tidak berkesan. Lembaga Disiplin IGP menyiasat salah laku polis dalam bidang rasuah, dadah, pelanggaran (undang-undang Islam) dan ponteng. Cawangan Penyiasatan Jenayah (CID) menyiasat penglibatan polis dalam jenayah begitu juga aduan penderaan polis pada orang awam. Tetapi realitinya, penyiasatan kerap kali dijalankan oleh pegawai dari balai polis yang sama dengan pegawai yang didakwa melakukan penderaan. Kekurangan kesaksamaan para penyiasat polis, dan juga budaya institusi yang tidak mengambil serius aduan penderaan, menjejaskan siasatan

polis dalam kes sedemikian. Namun IGP mahupun kepimpinan awam Kementerian Dalam Negeri tidak mengambil langkah-langkah untuk memulihkan keadaan.

Menurut statistik PDRM (RMP) yang diberikan kepada Human Rights Watch, 4334 kes salah laku polis direkodkan oleh CID dari bulan Januari 2005 hingga bulan Mei 2012. Sebanyak 32 peratus daripada kes ini dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk pendakwaan, dan daripada mereka yang dirujuk hanya satu-suku benar-benar didakwa dalam mahkamah. Lagi 23 peratus daripada kes yang dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara dianggap “tidak memerlukan tindakan selanjutnya” kerana “kurang bukti.” Baki 68 peratus daripada 4334 kes masih dalam siasatan polis, termasuk beberapa yang dibuka sejak tahun 2005.

Jenis kes yang dirujuk oleh PDRM untuk pendakwaan kerap kali melibatkan kesalahan berkaitan dadah, rasuah, peras ugut atau rompakan. Tetapi angka ini juga tidak memberikan banyak penjelasan, kerana ia tidak membezakan di antara kes penderaan polis yang diadakan oleh orang awam dengan kes-kes rasuah polis dan jenayah lain.

Seperti juga inkues, sepertinya seolah-olah perhatian umum dan kemarahan yang ketara adalah kritikal dalam menentukan sama ada penderaan polis yang didakwa akan disiasat secara serius. Jika ia disiasat sekalipun, pendakwaan adalah pengecualian dan lebih menumpukan kepada pegawai berpangkat rendah. Dan, seperti ditunjukkan oleh dua kes terbaru yang diringkaskan di bawah, pegawai polis yang didapati bersalah ada kalanya secara berkesan mengelak hukuman untuk jenayah mereka.

Pada bulan April 2010, polis menembak mati Aminulrasyid bin Amzh 15 tahun semasa memandu keretanya di Shah Alam, Selangor. Kemarahan umum terhadap kematian pelajar menyebabkan siasatan kerajaan terhadap peraturan tersedia mengenai kekerasan dan senjata api. Siasatan kerajaan mengakibatkan pindaan kepada peraturan tersedia, tetapi penemuan siasatan tidak pernah diumumkan. Korporal Jenain Subi, didakwa, didapati bersalah dan dihukum lima tahun penjara bagi homisid salah pada 2010. Walau bagaimanapun, Lembaga Disiplin IGP tidak menyiasatnya kerana, menurut ketua lembaga, “tindakan [Subi] tidak konsisten dengan [peraturan tersedia]. Beliau didakwa oleh kerana sentimen umum.” Pada bulan 2012, mahkamah rayuan membebaskan Subi dan melepaskannya.

Begitu juga, walaupun dua belas pegawai polis digantung kerana memukul Kugan Ananthan hingga mati dalam tahanan polis pada bulan Januari 2009, hanya seorang pegawai, konstabel polis Navindran Vivekandan, dibicarakan dan didapati bersalah. Beliau menerima hukuman tiga tahun yang telah ditangguhkan sementara menunggu rayuan yang masih berjalan semasa laporan ini diterbitkan. Keluarga Kugan juga memfailkan kes mahkamah sivil memohon kerugian, yang dimenangi mereka pada 26 Jun 2013, apabila hakim memberi mereka kerugian sebanyak RM 851,700 (US\$266,156) dan menyebutkan bahawa tindakan oleh pegawai polis kanan dalam kes tersebut menjadikan mereka bertanggungjawab terhadap dakwaan salah laku. Kerajaan dengan segera merayu keputusan mahkamah sivil.

Mangsa penderaan polis dan keluarga mereka boleh juga memfail tuntutan mahkamah. Menurut Pejabat Peguam Negara, antara bulan Januari 2009 dan bulan Jun 2012, mahkamah Malaysia memberi lebih kurang RM3 juta (AS\$965,000) gantirugi dalam 30 kes melibatkan mangsa tembakan yang cuai, serangan dan menyerang sentuh, tangkapan serta tahanan yang menyalahi undang-undang. Tetapi keupayaan untuk memohon tebus rugi melalui saman sivil telah dilemahkan oleh keputusan Mahkamah Persekutuan 2009 dalam *Kerajaan Malaysia v. Lay Kee Tee*, yang ditafsirkan sebagai menghendaki plaintif untuk menamakan pegawai kerajaan khusus yang didakwa bertanggungjawab terhadap penderaan. Adakalanya ia mustahil kerana, sepertimana yang diberitahu oleh kebanyakan mangsa kepada Human Rights Watch, polis tidak memakai tag nama pengenalan semasa dalam tugas. Pada bulan Julai 2012, saman sivil Shahril Azlan, yang selamat daripada tembakan polis berpakaian preman di sekatan jalan dalam tahun 2009, ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kerana Azlan tidak dapat menamakan pegawai polis individu yang terlibat. Walaupun mahkamah rayuan menghidupkan semula kes pada 15 Januari 2013, ketika laporan ini ditulis setahun kemudian, Shahril masih menunggu keadilan dalam perbicaraan baru di Mahkamah Tinggi.

Seperti yang diperhatikan di atas, masalah asas ialah Malaysia kurang mekanisme pengawasan bebas yang ditumpukan sepenuhnya pada polis, walaupun Suruhanjaya Diraja mencadangkan agar badan sedemikian ditubuhkan. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) ditubuhkan oleh undang-undang untuk menyiasat salah laku 19 agensi kerajaan, tugas hampir mustahil. Tambahan pula, EAIC, kekurangan kakitangan dan polis keberatan untuk bekerjasama dengan suruhanjaya, seperti menyediakan penyiasat dengan maklumat asas, termasuk teks peraturan tersedia IGP berkenaan. Pada

bulan Jun 2013, EAIC mengumumkan ia menubuhkan pasukan petugas untuk menyiasat kematian dalam tahanan Dhamendran Narayanasamy dan R. Jamesh Ramesh, tetapi pada masa laporan ini diterbitkan, ia tidak membuat apa-apa penemuan umum.

SUHAKAM telah juga menerima aduan salah laku polis seperti penggunaan kekerasan berlebihan, salah guna kuasa dan kematian dalam tahanan dan ia telah menghadapi halangan yang serupa dalam cubaan berurusan dengan polis. Polis telah menyembunyikan peraturan tersedia IGP dan keberatan untuk memberi fail siasatan polis badi kes-kes yang sedang disiasat oleh SUHAKAM. Taktik melengah-dan-menafi oleh polis sebagai jawapan kepada dokumen yang diminta ini menjejaskan kerja suruhanjaya. Polis juga berterusan mengetepikan penemuan dan cadangan SUHAKAM dalam kes penderaan polis yang disiasatnya. Walau apa jua yang dilakukan, sistem pengawasan semasa semakin gagal.

Malaysia berkewajipan untuk mencegah perbuatan melakukan pelanggaran hak asasi manusia seperti pembunuhan di luar bidang kehakiman dan penyeksaan oleh para pegawai dan ejen kerajaan, dan untuk membuatkan mereka yang berkenaan bertanggungjawab. Sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia telah bersetuju untuk mendukung prinsip Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), yang dianggap mencerminkan undang-undang antarabangsa lazim. Pengisytiharan Sejagat melindungi hak untuk hidup dan keselamatan orang, termasuk daripada seksaan, dan layanan serta hukuman yang zalim, menjatuhkan maruah dan tidak berperikemanusiaan. Ia memperuntukkan bahawa setiap orang mempunyai hak terhadap remedi berkesan bagi pelanggaran hak asasi.

Malaysia juga mempunyai kewajipan di bawah undang-undang antarabangsa untuk menjalankan penyiasatan menyeluruh dan tidak berat sebelah terhadap dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang serius, dan untuk memastikan pendakwaan yang sewajarnya terhadap mereka yang bertanggungjawab. Mangsa dan keluarga mereka mempunyai hak untuk pembetulan wajar. Apabila mekanisme penguatkuasaan undang-undang gagal untuk memenuhi kewajipan ini dalam menghadapi penderaan oleh polis atau agensi negeri lain yang didakwa, adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk memastikan terdapat mekanisme pengawasan bebas untuk menangani dan membetulkan masalah ini.

Malaysia secara berterusan telah gagal untuk menyiasat dan mendakwa penderaan polis yang didakwa, menyediakan tebus rugi untuk mangsa dan memastikan bahawa mekanisme pengawasan sedia yang ada berupaya campur tangan untuk memenuhi kewajipan ini.

Polis Diraja Malaysia hendaklah memastikan bahawa pegawai dihukum apabila mereka melanggar peraturan pentadbiran, dan Pejabat Peguam Negara hendaklah memastikan bahawa semua dakwaan serius kes penderaan polis disiasat dan jika wajar, didakwa.

Polis hendaklah bertanggungjawab kepada orang awam dan hendaklah menunjukkan bahawa dasar dan amalan mereka mematuhi standard hak asasi manusia antarabangsa. Tekanan luar dan pengawasan adalah penting dalam meningkatkan kebertanggungjawapan, dan kepimpinan polis dan penyeliaan berkesan adalah penting untuk mencegah penderaan dan salah laku. Pegawai polis mengangkat sumpah untuk “mematuhi, mendukung dan mengekalkan undang-undang Malaysia.” Moto Polis Diraja Malaysia ialah “*Tegas, Adil dan Berhemah*” (Firm, Just and Well-Mannered). Kedua-dua sumpah dan moto hendaklah dipatuhi oleh setiap pegawai polis di Malaysia— ia tidak dipatuhi sekarang ini seperti yang ditunjukkan oleh laporan ini. Kepimpinan PDRM perlu memastikan penguatkuasaan dasar jabatan yang waspada, jelas dan konsisten, serta komitmen ikhlas untuk menamatkan penderaan polis.



# Cadangan

Polis Diraja Malaysia telah dibabitkan dalam beberapa kejadian pembunuhan, penganiayaan dalam tahanan, penggunaan kekerasan berlebihan yang mana tiada seorang pun dipertanggungjawabkan. Untuk menjadikan amalan kerajaan Malaysia mematuhi standard undang-undang antarabangsa, dan juga untuk meningkatkan kewibawaan polis di kalangan populasi Malaysia, langkah-langkah yang berikut hendaklah dijalankan.

## Kepada Kerajaan Malaysia

- Mewujudkan suruhanjaya bebas dan luar yang sepenuhnya ditugaskan untuk menerima dan menyiasat aduan tentang salah laku dan penderaan PDRM (RMP), dan memberikan semua kuasa yang diperlukan untuk menyiasat, memaksa kerjasama daripada saksi dan agensi kerajaan, sepina dokumen dan menyerahkan kes untuk pendakwaan kepada suruhanjaya.
- Memastikan suruhanjaya ini adalah badan pengawasan polis yang berkesan, menghendaki sekurang-kurangnya ia:
  - Disediakan dengan peraturan tersedia Ketua Polis, manual latihan polis, dan memorandum dasar dalaman polis berkaitan yang terpakai untuk kelakuan polis.
  - Mempunyai kuasa untuk memeriksa fail-fail siasatan polis, menemubual pegawai polis, sepina dokumen dan saksi untuk hadir, jika perlu, untuk merujuk aduan kepada pejabat peguam negara untuk pendakwaan.
  - Mempunyai sumber manusia dan kewangan untuk menjadi produktif dan berkesan, termasuk:
    - Bilangan penyiasat sepenuh masa dan terlatih yang mencukupi untuk menjalankan penyiasatan menyeluruh, termasuk penyiasatan medan.
    - Kakitangan terlatih sepenuh masa untuk memproses aduan dan membuat susulan dengan pengadu untuk memberitahu mereka status aduan mereka secara tepat masa.
  - Menyimpan rekod yang teliti mengenai bilangan dan jenis aduan diterima, bagaimana ia disiasat, dan status aduan dan penyelesaiannya, sama ada

pemecatan, merujuk kepada Lembaga Disiplin polis, atau merujuk untuk pendakwaan.

- Mengadakan program pendidikan awam dan bantuan serta boleh dicapai oleh masyarakat umum dengan pejabat komuniti di seluruh semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- Mendapat kerjasama polis sepenuhnya yang akan bertindak balas kepada permintaan suruhanjaya dan menyediakan dokumen, rekod berkenaan dan saksi polis secara tepat pada masanya.
- Diberikan kemas kini status oleh polis dan pejabat peguam negara mengenai prosiding disiplin atau pendakwaan melibatkan kes-kes yang dirujuk oleh suruhanjaya.
- Sehingga suruhanjaya luaran ditubuhkan dengan tumpuan sepenuhnya kepada salah laku dan penderaan PDRM, memperbaharui Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) untuk meningkatkan prestasinya dengan:
  - menubuhkan tatacara dan proses pelantikan yang menjamin kebebasan dan keadilan para pesuruhjaya
  - menubuhkan kriteria bahawa pafra pesuruhjaya dan kakitangan kanan yang berpengalaman dalam mengawasi dan menyiasat salah guna hak asasi
  - memastikan ketelusan dan maklumat tentang aduan yang diterima dan siasatan oleh EAIC didedahkan kepada orang awam secara tepat masa, dan
  - memastikan bahawa EAIC mempunyai penyiasat, sumber dan kakitangan mencukupi untuk memenuhi misinya.
- Meminda Akta EAIC untuk memberi mandat supaya para pesuruhjaya EAIC diberikan jawatan sepenuh masa, sepertimana ahli Suruhanjaya Diraja Pilihan Raya, agar mereka boleh membuat keputusan mengenai aduan secara berkesan.
- Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen dengan bilangan sama ahli kerajaan dan pembangkang untuk mengkaji penemuan dan cadangan agensi pengawasan, termasuk EAIC dan SUHAKAM, dan tindakan diambil oleh pelbagai agensi kerajaan sebagai respons kepada penemuan tersebut, dan membuat cadangan untuk mengukuhkan langkah-langkah kebertanggungjawapan awam. Jawatankuasa sedemikian akan membantu memastikan bahawa agensi penguatkuasaan undang-undang bertindak balas sewajarnya terhadap cadangan badan pengawasan.

- Memastikan Parlimen menyetujui masa debat awam yang mencukupi setiap tahun untuk mengkaji laporan tahunan yang diserahkan kepada Parlimen oleh SUHAKAM.
- Meminda Akta SUHAKAM untuk memastikan bahawa PDRM dan agensi kerajaan lain dikehendaki oleh undang-undang untuk menjawab penemuan dan cadangan SUHAKAM secara tepat masa, yakni 14 hari bekerja.
- Menandatangani dan mengesahkan Waad Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik dan Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman yang Lain yang Zalim, Tak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah.

## Kepada Ketua Polis Negara

### *Ketelusan*

- Mengeluarkan peraturan tersedia yang mengarahkan balai polis di seluruh Malaysia untuk bekerjasama sepenuhnya dengan agensi pengawasan luaran dengan menyediakan capaian kepada fail polis, saksi polis dan permintaan lain untuk bukti.
- Menyediakan peraturan tersedia Ketua Polis mengenai penggunaan senjata awam, tatacara untuk tangkapan, tatacara untuk penyiasatan dan tatacara untuk kematian dalam lokap kepada badan pengawasan luaran, termasuk SUHAKAM dan EAIC, dan melibatkan badan tersebut untuk menjadikan peraturan tersedia ini mematuhi standard hak asasi manusia antarabangsa.
- Menyediakan laporan umum tahunan ke Parlimen, badan pengawasan seperti EAIC dan SUHAKAM yang sepatutnya mengandungi: bilangan dan jenis aduan penderaan/salah laku yang diterima daripada orang awam; status aduan yang disiasat, bilangan pegawai dikenakan tindakan disiplin dan atas kesalahan apa; dan bilangan kes dirujuk untuk pendakwaan dan statusnya.

### *Penyiasatan Aduan Orang Awam*

- Mewujudkan pejabat Ombudsman PDRM yang diberi kuasa untuk menerima dan membuat susulan mengenai aduan penderaan polis dengan kuasa untuk mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai PDRM yang menghalang atau sebaliknya gagal untuk bekerjasama dengan siasatan. Memastikan bahawa pejabat melapor secara langsung kepada IGP, mempunyai kuasa untuk campur

tangan dalam semua siasatan polis mengenai penderaan dan menyediakan laporan tahunan awam aktiviti.

- Untuk menghalang penutupan salah laku polis, PDRM hendaklah menyusun semula peraturannya mengenai siasatan awal kematian dalam tahanan, penggunaan kekerasan berlebihan, pelepasan tembakan yang menyebabkan maut atau hampir maut dan aduan penderaan dalam tahanan polis. Secara khusus, tugas tersebut hendaklah ditugaskan kepada pegawai, termasuk pegawai berpangkat tinggi dari balai polis lain selain daripada balai polis yang dikaitkan dengan peristiwa dan dengan pengawasan yang disediakan oleh pejabat Ombudsman PDRM yang dicadangkan di atas.
- Untuk menilai tindakan polis dengan lebih baik, IGP hendaklah mengarah Bahagian Penyiasatan Jenayah untuk mengasingkan aduan penderaan orang awam yang melibatkan polis daripada kes-kes dakwaan penglibatan polis dalam aktiviti jenayah, untuk mengkatalogkan aduan mengikut perkara, dan untuk menjalankan dan mendedahkan kepada orang awam analisis aduan, termasuk mengenal pasti pegawai polis individu yang merupakan subjek aduan dan balai polis di mana mereka ditugaskan.
- Mengeluarkan peraturan tersedia bahawa polis hendaklah membenarkan post-mortem kedua serta bebas dijalankan apabila diminta oleh ahli keluarga sesiapa yang telah mati dalam tahanan polis atau semasa polis cuba untuk menangkapnya.

#### *Jejak Rekod Pegawai Polis untuk Menenalpasti Pegawai Bermasalah*

- Menubuhkan sistem penjejakan bagi pegawai polis yang berdepan dengan aduan orang ramai mengenai penderaan atau salah laku, termasuk mereka yang telah disaman untuk kerugian sivil, untuk mengenal pasti pegawai yang menyalahgunakan kuasa mereka. Sistem penjejakan sedemikian hendaklah digunakan untuk memastikan pegawai bermasalah disiasat dan dikenakan tindakan disiplin yang sewajarnya, menyediakan latihan yang perlu, dan apabila disabitkan kesalahan jenayah, dipecat daripada pasukan polis.
- Pegawai polis yang sedang disiasat untuk insiden tembakan, kematian dalam tahanan atau penderaan fizikal serius hendaklah ditugaskan menjalankan tugas meja sementara menunggu hasil penyiasatan.

## *Penggunaan Senjata Api*

- Menyediakan peraturan tersedia IGP mengenai penggunaan kekerasan dan senjata api kepada badan pengawasan luaran seperti SUHAKAM dan EAIC.
- Meminda peraturan tersedia IGP mengenai penggunaan kekerasan dan senjata api untuk menyertakan garis panduan meningkatkan skala kekerasan, yang menentukan respons wajar terhadap ancaman atau potensi serangan yang boleh membawa maut, dan memastikan peraturan tersedia yang dipinda selari dengan Prinsip Asas PBB mengenai Penggunaan Kekerasan dan Senjata Api oleh Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang.
- Menyediakan peralatan tidak-membawa maut kepada polis dan mengutamakan latihan untuk menggunakan kekerasan tidak-membawa maut sebagai alternatif kepada penggunaan senjata api sekiranya tidak terdapat ancaman ketara terhadap nyawa manusia.
- Meminda peraturan tersedia IGP untuk memastikan dalam kes-kes yang melibatkan tembak menembak yang boleh membawa maut atau kecederaan badan kepada orang oleh polis, pegawai yang menembak mesti diberi tugas meja sepanjang tempoh siasatan mengenai insiden tersebut.
- Dalam setiap wilayah polis, menubuhkan unit Penyiasatan Tembakan yang terdiri daripada pegawai penyiasat berpangkat tinggi, penyiasat tempat jenayah, kakitangan perubatan kecemasan, pegawai yang bertanggungjawab, dan penyiasat balistik, yang hendaklah dihantar ke tempat di mana senjata api digunakan.
  - Pegawai penyiasat berpangkat tinggi dari pejabat polis wilayah hendaklah menulis dan menyerahkan laporan dengan segera ke pejabat IGP yang merangkumi analisis mengenai bagaimana insiden terbongkar, saksi yang ditemubual, keputusan forensik, sama ada terdapat peralatan yang tidak mendatangkan maut, dan mengapa peralatan tersebut tidak digunakan. Laporan sedemikian hendaklah digunakan bukan sahaja untuk kemungkinan siasatan disiplin dan atau rujukan untuk pendakwaan, tetapi juga untuk dijadikan rujukan bagi penjelasan, pindaan peraturan tersedia polis dan latihan.

### *Latihan*

- Semua pegawai polis tanpa mengira pangkat hendaklah menerima latihan mengenai undang-undang, keselamatan dan penggunaan kekerasan yang tidak membawa maut dan senjata api yang setimpal. Menegaskan bahawa pegawai polis seberapa mungkin hendaklah menggunakan cara-cara yang tidak melibatkan kekerasan sebelum mengambil jalan menggunakan kekerasan dan senjata api.
- Semasa latihan senjata api, tegaskan bahawa kekerasan yang boleh maut hanya digunakan apabila perlu untuk menyelamatkan nyawa.
- Latihan senjata api hendaklah merangkumi langkah-langkah semakin meningkat dalam dalam penggunaan kekerasan seperti cabaran, perintah lisan, teknik menyekat, dan cara-cara lain yang tidak membawa maut sebelum menggunakan kekerasan yang boleh membawa maut.
- Dengan kerjasama SUHAKAM menyediakan latihan hak asasi yang sesuai kepada polis di seluruh semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak pada titik perekrutan dan setiap tahun.

### *Kelakuan Polis semasa Perhimpunan Awam*

- Melaksanakan program latihan untuk polis mengenai teknik mengawal kumpulan ramai dan mengurangkan keperluan penggunaan kekerasan, selari dengan Prinsip Asas PBB mengenai Penggunaan Kekerasan dan Senjata Api oleh Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang.
- Konsisten dengan Prinsip Asas PBB, apabila penggunaan kekerasan yang sah tidak boleh dielakkan, pegawai penguatkuasaan undang-undang hendaklah mengawal diri dalam penggunaan sedemikian dan bertindak setimpal dengan keseriusan kesalahan dan objektif sah yang hendak dicapai.

### *Pengenalpastian Pegawai Polis*

- Memastikan pegawai polis daripada semua pangkat boleh dikenal pasti secara individu pada bila-bila masa apabila mereka menjalankan fungsi penguatkuasaan undang-undang, seperti memakai lencana individu yang boleh dilihat pada pakai seragam mereka termasuk apabila mereka memakai gear khas seperti topi keledar atau gear perlindungan lain. Pegawai polis perusuh seperti Pasukan Simpanan

Persekutuan hendaklah memakai lencana dengan nombor pengenalan peribadi unik boleh dilihat dengan jelas pada pakaian seragam mereka.

- Memerlukan pegawai polis berpakaian preman untuk menyediakan pengenalan dengan nama penuh dan pangkat kepada individu apabila mereka menahan individu tersebut untuk disoal atau secara rasmi menangkap mereka.

### *Kemudahan Lokap*

- Meminda peraturan tersedia IGP mengenai lokap yang menghendaki pegawai penjagaan dalam setiap lokap yang bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian risiko tahanan apabila mereka tiba dalam lokap dilantik. Penilaian sedemikian hendaklah diselesaikan dalam tempoh 24 jam tahanan dan hendaklah merangkumi keadaan ditahan, sama ada apa-apa kekerasan atau sekatan digunakan, gambaran fizikal tahanan yang terperinci, potensi bunuh diri, dan apa-apa sejarah perubatan tahanan.
- Menyediakan latihan bantuan kecemasan kepada polis bertanggungjawab dalam kemudahan lokap, supaya mereka berkeupayaan untuk mengenal pasti kes yang memerlukan rujukan perubatan dengan segera.
- Memastikan tatacara disediakan dan dilaksanakan secara berkesan untuk segera bertindak balas kepada aduan perubatan oleh tahanan, termasuk membuat rujukan dan memindahkan tahanan yang sakit atau tercedera ke kemudahan perubatan luar untuk pemeriksaan dan rawatan perubatan.

## **Kepada Peguam Negara**

### *Kematian dalam Tahanan*

- Mengeluarkan arahan mengarahkan hakim majistret bahawa mereka mesti menjalankan inkues mengenai kematian dalam tahanan seperti yang diperlukan oleh Seksyen 334 Kanun Prosedur Jenayah.

### *Penyiasatan Salah Laku Polis*

- Menyediakan laporan tahunan awam kepada Parlimen dengan statistik mengenai penyiasatan pegawai polis, dakwaan difailkan, status kes tersebut, dan juga

statistik mengenai saman sivil terhadap kerajaan dan polis yang didakwa melakukan penderaan polis.

- Menyimpan statistik sewajarnya yang memisahkan penyelesaian aduan orang ramai mengenai salah laku atau penderaan polis daripada penyelesaian jenis-jenis lain penglibatan polis dalam jenayah seperti rasuah dan dadah.
- Menyediakan maklumat kepada pejabat IGP berkenaan status kedua-dua kes jenayah dan sivil terhadap pegawai polis.

### **Kepada Pesuruhjaya Tinggi mengenai Hak Asasi Manusia**

- Menyediakan bantuan teknikal kepada badan pengawasan luaran seperti SUHAKAM dan EAIC mengenai cara untuk menjalankan pengawasan dan penyiasatan yang kompeten mengenai salah laku polis.
- Menyediakan bantuan teknikal kepada Polis Diraja Malaysia untuk mengkategorikan dengan wajar, mengekalkan dan menilai aduan orang awam mengenai penderaan polis.